

07 SEP 2002

Khiso-Ekocomedia

PENELITIAN MASIH DILAKUKAN BAGI PEMBINAAN BANDAR EKO-MEDIA

SERDANG, 7 Sept (Bernama)-- Penelitian dan perbincangan masih dilakukan bagi pembinaan Bandar Eko-Media atau lebih dikenali Infomediacity yang dijangka dibangunkan berdekatan Cyberjaya, kata Presiden Kisho Kurukawa Architect and Associates, Dr Kisho Kurokawa.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menerima Ijazah Kehormat Doktor Seni Bina di Majlis Konvokesyen Ke-26 (Sidang Ketiga) Universiti Putra Malaysia (UPM) hari ini.

Dr Kisho Kurokawa adalah penerima pertama ijazah Kehormat itu daripada universiti berkenaan.

Antara hasil kerja beliau yang berjaya menjadi kemegahan Malaysia ialah Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan KL Sentral.

"Mengenai pembentukan bandar baru itu, saya kerap kali mengadakan perbincangan dan mesyuarat dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, anggota kabinet dan ahli korporat supaya segala perancangan dilakukan secara sistematik dan terperinci," katanya.

Katanya Bandar Eko-Media adalah gabungan biologi dan multi media dan ia mirip kepada bandar bio-cyberjaya iaitu bandar baru yang mengutamakan aspek informasi teknologi terkini dan keunikan biologikal.

Menurutnya sumber alam semulajadi perlu digabungkan dalam pembentukan dan pembangunan bandar kerana ia adalah asas dan permulaan kepada segala kemajuan yang kita capai selama ini.

Kisho berkata dalam menerokai bidang bioteknologi, selain Jepun, Malaysia juga perlukan bantuan dan sokongan Amerika serta negara-negara Eropah yang maju dalam bidang itu.

--BERNAMA

GK AFY ZB